

11 NOV 1999

P/Raya-MB

BEBERAPA MUKA BARU DARI BN AKAN BERTANDING DI KERUSI NEGERI

JOHOR BAHRU, 11 Nov (Bernama) -- Pengerusi Barisan Nasional (BN) Negeri Johor Datuk Abdul Ghani Othman berkata, beberapa muka baru dari BN akan diketengahkan untuk bertanding bagi kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum kali ini.

"Ada yang lama dan ada yang baru. Ia kombinasi lama dan baru," katanya kepada pemberita selepas menghadiri demonstrasi Mushin-Do, seni mempertahankan diri dari Jepun, di sini malam semalam.

Abdul Ghani berkata, beliau telah meminta bahagian-bahagian Umno di Johor supaya mengemukakan nama-nama calon yang dicadangkan untuk penelitian dan dikemukakan kepada BN pusat untuk kelulusan.

Beliau juga berkata tidak ada perubahan dalam jumlah agihan kerusi di kalangan parti komponen BN di Johor kecuali beberapa pertukaran di kalangan parti komponen.

Pada pilihan raya umum 1995, BN menyapu bersih kesemua 40 kerusi DUN dan 20 kerusi parlimen di Johor. Pada masa itu, Umno diperuntukkan 25 kerusi, MCA 11 manakala MIC dan Gerakan, masing-masing dua kerusi bagi DUN.

Bagi kerusi Parlimen pula Umno diperuntukkan 13 kerusi, MCA enam kerusi dan MIC satu.

"Kata putus berhubung pemilihan calon terletak pada Pengerusi BN pusat. Bahagian (Umno) diminta membuat cadangan dan saya akan membawanya ke pusat. Yang penting ialah ahli-ahli BN menerima keputusan (yang dibuat pucuk pimpinan)," katanya.

Ketika ditanya mengenai kriteria yang ditetapkan untuk memilih seseorang calon bertanding, beliau berkata selain latar belakang yang baik, penilaian juga dibuat berdasarkan rekod pencapaian serta pengiktirafan masyarakat setempat.

BN perlu menyediakan calon yang dapat diterima oleh masyarakat kerana pengundi kini agak teliti menilai calon-calon yang diketengahkan oleh mana-mana parti, katanya.

"Kriteria penting ialah mendapatkan calon yang boleh menang di kawasan yang ditandingi berdasarkan penerimaan pengundi," kata beliau.

Abdul Ghani yakin BN dapat mengekalkan rekod cemerlangnya di Johor berdasarkan apa yang dapat dilihat daripada lawatan-lawatannya ke setiap kawasan Dewan Undangan Negeri dan Parlimen, baru-baru ini.

Menteri Besar SELANGOR Datuk Abu Hassan Omar pula berkata, beliau akan mengadakan mesyuarat dengan pucuk pimpinan Umno Selangor malam ini di Bangunan Umno Selangor, manakala mesyuarat dengan pemimpin BN Negeri akan diadakan pada pukul 4 petang esok di tempat yang sama.

Beliau berkata seperti kebiasaan, pilihan raya kali ini juga akan memperlihatkan muka-muka baru yang akan diberi peluang untuk menunjukkan kebolehan mereka dalam pentabiran kerajaan.

Walaupun pada dasarnya beliau sudah mempunyai senarai nama calon yang dirasakan sesuai, namun beliau masih menimbang beberapa cadangan daripada bahagian-bahagian tertentu, katanya.

Bagaimanapun, keputusan muktamad adalah pada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga presiden parti dan pengerusi BN.

Di PULAU PINANG, Timbalan Pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang Datuk Mohd Shariff Omar berkata, calon-calon parti itu yang akan bertanding pada pilihan raya umum ke-10 nanti belum ditentukan lagi.

Shariff yang juga Timbalan Ketua Menteri berkata, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi yang juga pengerusi Badan Perhubungan Umno Pulau Pinang akan

mempengerusikan mesyuarat badan itu malam ini.

"Bagaimanapun, saya tidak pasti sama ada soal calon akan menjadi sebahagian daripada agenda mesyuarat itu," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Seminar Makanan dan Barang Penggunaan Orang Islam peringkat negeri di sini.

Mengenai pengaruh Datuk Seri Anwar Ibrahim yang juga bekas Anggota Parlimen kawasan Permatang Pauh, beliau yakin rakyat memahami bahawa seorang individu tidak boleh membawa sebarang perubahan dan memerlukan kekuatan parti untuk berbuat demikian, seperti yang dibuktikan oleh BN selama 25 tahun.

Rakyat juga harus tahu membezakan kepentingan antara seorang kawan dan negara, bangsa dan agama dan harus boleh membaca apa yang baik untuk generasi akan datang, katanya.

Di KUALA TERENGGANU, Pengerusi Badan Perhubungan Umno negeri Tan Sri Wan Mokhtar Ahmad berkata badan itu akan bermesyuarat malam esok bagi menentukan senarai calon yang akan bertanding pada pilihan raya umum ini.

Wan Mokhtar yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Barisan Nasional (BN) negeri berkata, mesyuarat BN negeri pula akan diadakan sehari selepas mesyuarat Umno itu.

"Semua bahagian perhubungan Umno telah diminta menyediakan senarai calon-calon selewat-lewatnya esok untuk dikemukakan kepada saya pada mesyuarat malam esok," katanya kepada pemberita ketika ditemui di kediamannya di Sri Iman di sini, hari ini.

Wan Mokhtar berkata jumlah sebenar calon baru belum diketahui tetapi perubahan calon mungkin berlaku di kawasan-kawasan yang tewas kepada parti pembangkang dan kawasan yang mempunyai peluang sama banyak (50-50).

"Calon yang sudah pasti menang akan dikekalkan... calon yang mempunyai peluang 50-50 mungkin dipindah ke kawasan lain atau mungkin bertukar dari Parlimen ke Dewan Undangan Negeri atau sebaliknya," katanya.

Di KUCHING, Ketua Menteri Tan Sri Abdul Taib Mahmud berkata, sekurang-kurangnya 30 peratus muka baru akan diketengahkan untuk bertanding dalam pilihan raya kali ini dan ia juga bagi menjamin kesinambungan kepimpinan BN di negeri itu.

"Pengalaman dan darah baru perlu disuntik dalam barisan wakil rakyat... jika tidak parti akan menjadi muzium," kata beliau kepada pemberita selepas menerima Anugerah Kualiti Bintang Emas 1999, anugerah antarabangsa yang dimenangi oleh Lembaga Pelancongan Sarawak (STB), baru-baru ini.

Abdul Taib berkata, parti-parti komponen BN masih menguruskan senarai calon untuk dikemukakan kepada Perdana Menteri untuk pertimbangan dan wakil-wakil rakyat sedia ada yang mempunyai peluang cerah untuk menang akan dikekalkan, katanya.

Pilihan raya umum di Sarawak hanya membabitkan kerusi Parlimen dengan negeri itu mempunyai 28 kerusi Parlimen termasuk kerusi baru Mambong.

Beliau berkata BN, yang memenangi 25 kerusi Parlimen pada pilihan raya 1995, mempunyai peluang lebih baik kali ini dan yakin dapat merampas kerusi Parlimen Bintulu dan Tasik Biru yang masing-masing kini disandang oleh calon DAP dan Parti Pembaharuan Sarawak (STAR).

Di KOTA KINABALU, Ketua Menteri Datuk Osu Sukam hari ini berkata pembahagian kerusi akan diputuskan oleh pucuk pimpinan BN setelah berbincang dengan ketua parti-parti komponen.

Osu yang juga Pengerusi Badan Perhubungan Umno Sabah berkata: "Saya fikir masalah pembahagian kerusi tidak timbul dan semua parti-parti komponen BN telahpun bersedia untuk memberi kerjasama bagi menentukan calon-calon BN menang."

Beliau membayangkan kemungkinan Umno bertanding di semua kawasan yang ditandinginya pada pilihan raya Parlimen yang lepas.

"Tradisinya begitulah....kecuali ada persetujuan parti-parti komponen

Barisan Nasional (BN) untuk bertukar kawasan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat khas Badan Perhubungan Umno Negeri, di sini, hari ini.

Ditanya sama ada terdapat muka baru daripada Umno yang akan diketengahkan pada pilihan raya Parlimen nanti, Osu berkata "tunggulah, kita akan umumkan sehari sebelum penamaan calon".

DI MELAKA Pengerusi Barisan Nasional (BN) negeri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin berkata beberapa muka baru daripada kalangan pemimpin muda BN akan dipilih bagi bertanding merebut kerusi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya umum kali ini.

"Kita akan mencadangkan untuk meletakkan calon muda bagi menggantikan antara 25 hingga 35 peratus daripada anggota dewan yang ada sekarang," katanya kepada pemberita pada sidang media di pejabatnya di sini, hari ini.

Beliau juga berkata tidak ada perubahan dalam jumlah pengagihan kerusi di kalangan parti komponen BN di Melaka dengan `status quo` pengagihan kerusi kekal.

Pada pilihan raya umum 1995, BN hanya kalah satu kerusi Parlimen dan tiga kerusi DUN, kesemuanya ditangan calon DAP.

Umno diperuntukkan 16 kerusi, MCA 7, Gerakan dan MIC, masing-masing satu kerusi bagi Dewan Undangan Negeri pada pilihan raya itu.

Di SEREMBAN, setiap wakil rakyat di Negeri Sembilan berjanji di hadapan Menteri Besar Tan Sri Mohamed Isa Abdul Samad bahawa mereka akan terus memberikan sokongan kepada calon BN walaupun mereka tidak terpilih untuk bertanding semula dalam pilihan raya kali ini.

"Jika ada yang mengingkari janji itu bermakna mereka tidak amanah...perkara ini dibuat di hadapan semua wakil rakyat, mereka boleh dipecat daripada parti," katanya kepada pemberita selepas mengadakan pertemuan dengan semua wakil rakyat BN negeri ini, hari ini.

Yang tidak hadir ialah Timbalan Menteri Kewangan Datuk Wong See Wah yang sebelum ini dilaporkan menawarkan diri untuk tidak bertanding semula dan anggota Dewan Undangan Negeri kawasan Gemencheh Datuk Waad Mansor yang baru-baru ini didapati tidak bersalah atas tiga tuduhan rasuah tetapi dua lagi kes tuduhan rasuah terhadapnya belum dibicarakan.

Negeri Sembilan mempunyai tujuh kawasan Parlimen dan 32 kawasan Dewan Undangan Negeri yang kesemuanya disandang oleh BN.

Mengenai calon muka baru, katanya, beliau menyerahkan perkara itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Di ROMPIN, Menteri Besar Pahang Datuk Seri Adnan Yaakob berkata calon BN yang akan bertanding dipilih berdasarkan penerimaan rakyat dan yang penting ialah kemenangan parti, dan bukan siapa yang menjadi calon.

"Insya Allah kita akan memilih sesiapa sahaja yang diterima rakyat. Kalau wanita, wanitalah kalau ketua bahagian, ketua bahagianlah kalau ahli biasa ahli biasalah," katanya kepada pemberita selepas perjumpaan dengan orangramai dan kakitangan kerajaan di sini.

Adnan berkata Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad sudah mengarahkan Pengerusi Perhubungan BN Negeri iaitu Tan Sri Khalil Yaakob memilih calon yang boleh diterima rakyat dan parti boleh mendapatkan kemenangan.

Beliau berkata mereka yang tidak dicalonkan diharapkan terus menyokong parti sebagaimana parti pernah menyokong mereka ketika mereka bertanding dahulu.

Di IPOH, Menteri Besar Perak Tan Sri Ramli Ngah Talib berkata senarai calon akan diumumkan sehari sebelum penamaan calon dan tidak mahu mengulas mengenai muka baru dan kedudukan pembahagian kerusi antara parti-parti komponen BN termasuk kedudukan Parti Progresif Penduduk Malaysia (PPP).

"Ianya di bawah tanggungjawab Dr Mahathir untuk membuat keputusan," katanya kepada pemberita selepas mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa

perhubungan Umno negeri di kediamannya di sini, hari ini.

Selepas itu beliau mempengerusikan mesyuarat jawatankuasa perhubungan BN negeri.

BN Perak bagaimanapun yakin dapat mengekalkan kerusi yang dimenangnya pada pilihan raya umum 1995 dengan parti itu menang kesemua 23 kerusi Parlimen dan kalah satu daripada 52 kerusi Dewan Undangan Negeri kepada DAP, iaitu kerusi Parlimen Sitiawan.

Bagaimanapun, BN kehilangan satu lagi kerusi kepada DAP iaitu kerusi Parlimen Teluk Intan semasa pilihan raya kecil pada 1997.

Ramli bagaimanapun berharap rakyat negeri ini akan terus memberi sokongan padu kepada BN Negeri bagi meneruskan usaha membangunkan negeri.

-- BERNAMA.

Team PR